




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**


HARI SELASA : 28 NOVEMBER 2017



KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.2, NO.10, NO.11, NO.13 HINGGA NO. 56)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



SOALAN NO: 2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 28 NOVEMBER 2017
SOALAN : 2

YB Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan Kementerian berkaitan peningkatan tahap kolesterol adalah dengan sendirinya bukanlah suatu masalah kesihatan, tetapi para doktor menetapkan lipitor kepada pesakit dengan bacaan 4.2 sebagai langkah pencegahan peningkatan kolesterol yang mana telah disahkan oleh Jawatankuasa Penasihat Bimbingan Makanan (Dietary Guidelines Advisory Committee) Amerika Syarikat bahawa kolesterol bukanlah suatu masalah kesihatan yang membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kolesterol merupakan salah satu faktor risiko penyakit kardiovaskular yang telah dibuktikan secara konsisten melalui kajian-kajian epidemiologi jangka masa panjang yang dijalankan bertahun-tahun.

Mengikut Panduan Amalan Klinikal (*Clinical Practice Guidelines Management of Dyslipidaemia (5th Edition)*) oleh *National Association of Heart Malaysia* yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2017, sasaran kolesterol LDL-C adalah kurang dari 3.0 mmol/L bagi mereka yang berisiko rendah untuk penyakit kardiovaskular. Malah, sasaran ini adalah lebih rendah bagi mereka yang berisiko lebih tinggi. Atorvastatin (Lipitor) adalah salah satu ubat yang disarankan untuk mengurangkan tahap kolesterol dalam darah berdasarkan bukti saintifik yang kukuh.

Kolesterol sebagai faktor risiko kardiovaskular juga telah dinyatakan dengan jelas dalam *Dietary Guidelines for Americans 2015-2020 (Eight Edition)* yang dikeluarkan oleh *US Department of Health and Human Services* dan *US Department of Agriculture* (mukasurat 32). Saranan untuk menghadkan pengambilan kolesterol dalam diet serendah yang mungkin adalah salah satu cara pemakanan sihat dalam dokumen tersebut.